

Sukarelawan UTHM bantu bina rumah baru Makfoz



Makfoz bersama mereka yang terlibat dalam pembinaan rumah barunya di Kampung Parit Haji Ali.

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi bantuan sukarelawan universiti terbabit telah membina rumah baru untuk Makfoz setelah rumah lamanya terbakar, tiga tahun lalu.

Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, rumah baru Mahfoz adalah yang kedua dibina hasil kerjasama UTHM, sukarelawan mahasiswa dan masyarakat setempat.

Menurutnya, pihak UTHM menyasarkan akan membina lebih banyak lagi rumah seperti itu supaya semangat sukarela dan sentiasa membantu dapat diterapkan dalam kalangan mahasiswa.

"Dengan kerjasama seperti ini, kita dapat menjimatkan perbelanjaan kepada RM50,000 kerana banyak kerja pembinaan dan mengecat dilakukan dengan kerjasama mahasiswa UTHM.

"Selain itu, ia juga dapat menyemarakkan semangat sukarelawan Malaysia For Youth (IM4U) dalam kalangan mahasiswa dan sebagai praktikal bagi pelajar jurusan yang berkait rapat," katanya.

Manakala, Ketua Umno Bahagian Ayer

Hitam, Datuk Samsol Bari Jamali berkata, penglibatan UTHM dalam membantu penduduk amat dialu-alukan bagi memupuk kemesraan antara mereka dengan kakitangan dan mahasiswa universiti itu.

"Selain UTHM, pihaknya turut mengalu-alukan pihak lain mengadakan pelbagai program dan aktiviti bersama penduduk Ayer Hitam," katanya.

Sementara Mahfoz berkata, dia berasa terharu dan hampir menitiskan air mata apabila menerima rumah baru atas bantuan UTHM itu.

Menurutnya, dia tidak menyangka memiliki rumah menerusi sukarelawan UTHM yang membina rumahnya di Kampung Parit Haji Ali, Parit Botak, dekat sini.

"Saya berterima kasih dan gembira boleh menduduki rumah baru setelah rumah lama terbakar.

"Sumbangan dan bantuan penderma, mahasiswa UTHM dan ahli Umno sangat dihargai. Kini saya boleh menghabiskan sisa hidup yang menjangkau 107 tahun di rumah lebih selesa," katanya kepada *Sinar Harian* selepas majlis penyerahan kunci rumah terbabit.